

# Kabinet bincang kaedah terbaik pulih kehidupan

Jemaah menteri lihat cara baru kurangkan beban mangsa

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,  
Masrina Mohd Yunus  
dan Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Kabinet semalam membincangkan pelbagai langkah persediaan bagi membantu mangsa banjir serta meminimumkan kesan bencana itu pada masa depan, kata Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Katanya, antara perkara yang diberi tumpuan dalam mesyuarat itu ialah keperluan melihat perspektif baru berhubung tindakan mengurangkan kesan banjir akibat perubahan pola cuaca.

"Kita perlu ubah sikap Kabinet bincang panjang lebar hari ini (semalam) mengenai perubahan ini. Dulu dalam buku kita belajar pada Disember hujan lebat hanya Kelantan dan Pahang sekarang tidak lagi begitu, negeri lain pun kena."

"Inilah perspektif baru yang kita perlu ambil tindakan, bergantung kepada kemampuan seperti mendam dan melebarkan sungai dan perlu membina aliran ketika ribut yang dapat menampung air," katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau menarakan Kempen Kesedaran Recurian Kabel dan Utiliti oleh kementerian.

Dr Lim berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara melihat semua aspek termasuk membina kembali kemudahan seperti jalan dan jambatan yang hilang atau rosak akibat banjir.

"Kita perlu cari jalan. Sebenarnya kita ada banyak cadangan tetapi saya tidak nak menatakan apa cadangan itu," katanya.

Ditanya sama ada Kabinet ada berbincang mengemukakan atau mengu-

**"Kita perlu ubah sikap Kabinet bincang panjang lebar mengenai perubahan ini. Dulu Disember hujan lebat hanya di Kelantan dan Pahang sekarang tidak lagi begitu."**

Dr Lim Keng Yaik  
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

rangkan bil air dan elektrik mangsa banjir, Dr Lim berkata, sekadar hanya mengesahkan ada banyak cadangan bagi membantu mangsa banjir tetapi enggan menyebutnya.

"Najib mempunyai semua cadangan itu dan beliau akan mengemukakan," katanya.

Mengenai kemarahan mangsa banjir terhadap Syarikat Air Johor kerana melepaskan air dari empangan hingga menyebabkan banjir makin teruk, Dr Lim berkata, langkah itu perlu bagi mengelak kemungkinan empangan pecah.

"Ada tujuan buat begitu, kalau lebih paras bahaya, empangan pecah dan berlaku bencana, siapa

yang akan bertanggungjawab?" katanya.

Dr Lim berkata, usaha pembenihan awan yang dilakukan kini diharapkan berjaya menyebabkan hujan hanya berlaku di kawasan laut.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, berkata Kabinet semalam mengarahkan kementerian mengumpulkan data jumlah majikan terjejas akibat banjir di Johor untuk memudahkan pemberian bantuan.

Beliau berkata, berdasarkan laporan awal sebahagian besar majikan terbahit ialah syarikat kecil dan sederhana serta perusahaan yang beroperasi dari rumah.